

Headline	Tandak air di Hutan Simpan Bukit Enggang dibina secara haram		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	12 Dec 2017	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	45,554
Page No	B2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	278 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 977
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,932



Tandak air di Hutan Simpan Bukit Enggang dibina secara haram

ALOR SETAR: Lima tandak air (takungan air) di kawasan Hutan Simpan Bukit Enggang dekat Sik yang dikatakan tercemar akibat pembalakan, dibina secara haram, kata Jabatan Perhutanan Kedah.

Timbalan Pengarah Operasinya Mohd Rahim Ramli berkata pihaknya hanya mengetahui akan kewujudan tandak air tersebut selepas projek pembalakan bagi tujuan pembangunan ladang hutan itu bermula.

Jika dimaklumkan lebih awal, pihak jabatan akan mengusahakan sesuatu termasuk memindahkan tandak air berkenaan ke kawasan lebih sesuai, katanya kepada Bernama di sini.

Katanya tandak air berkenaan dibina oleh penduduk bagi kegunaan Kampung Paya Terendam, Kampung Durian Burung dan Kampung Balong Ayam.

Pada Ahad dilaporkan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Selamatkan Bekalan Air Masyarakat tiga kampung itu Mohd Sobri Ramlee meminta pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya berhubung isu pembalakan di hutan simpan tersebut.

Mohd Sobri mendakwa aktiviti pembalakan tersebut memusnahkan tiga daripada lima kawasan tadahan yang dibina pada 1980 secara gotong-

royong berkenaan selain turut menyebabkan beberapa buah rumah di Kampung Paya Terendam terjejas teruk akibat banjir lumpur.

Sementara itu, Mohd Rahim berkata bagi mengatasi masalah bekalan air tersebut, pihaknya telah berbincang dengan Anggota Dewan Undangan Negeri Belantik Datuk Mohd Tajudin Abdullah dan syarikat pembalakan berkenaan.

Hasil perbincangan itu, satu tandak air berpusat kini dibina dan dijangka siap hujung bulan ini, katanya.

Mengulas projek pembangunan ladang hutan itu, Mohd Rahim berkata kira-kira 1,000 hektar

hutan simpan tersebut telah diluluskan untuk dijadikan ladang hutan oleh Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed).

Katanya kawasan itu perlu dibangunkan memandangkan ia menjadi kawasan terosot iaitu telah diteroka secara haram oleh penduduk yang seterusnya memohon untuk mendapatkan hak milik tanah.

"Keadaan teroka hutan secara haram itu menimbulkan tindakan seperti eksploitasi hutan simpan untuk kepentingan diri mereka (penduduk kampung) semata-mata.

"Aktiviti teroka tanah secara haram oleh penduduk kampung

ini akan jatuhkan nilai hutan... sehingga wujud sindiket jual tanah tanpa pengetahuan kita.

"Bila bagi buat projek ladang macam ini kita dapat hasil setiap tahun antara RM200,000 hingga RM300,000 daripada pembayaran fi pemuliharaan dan fi permit tanah. Kayu-kayu yang dihasilkan nanti akan dikenakan premium dan royalti mengikut kaedah-kaedah hutan," katanya.

Beliau berkata operasi penguatkuasaan yang dijalankan jabatan itu sebelum ini mendapati ratusan hektar kawasan hutan simpan yang berkeluasan 6,692 hektar berkenaan telah diteroka secara haram oleh penduduk

kampung.

Mengenai kejadian banjir lumpur itu, Mohd Rahim berkata kawasan Kampung Paya Terendam sememangnya kerap berlaku bencana tersebut sejak dahulu lagi, sebelum kegiatan pembalakan untuk projek ladang hutan berkenaan berjalan.

Sebelum projek tersebut dilaksanakan, segala aspek termasuk impak ke atas alam sekitar telah diteliti, katanya menambah pihaknya turut melakukan pemantauan berkala terhadap PMBKed dan rakan usaha samanya bagi memastikan segala prosedur dan syarat dipatuhi. - Bernama